

Kelab Masyarakat Yio Chu Kang dibuka semula dengan kemudahan mesra demensia

Penduduk di kejiranan Yio Chu Kang kini boleh menikmati pelbagai kemudahan termasuk prasarana mesra demensia dan ruang masyarakat untuk memenuhi pelbagai keperluan dan minat pelbagai peringkat umur di Kelab Masyarakat (CC) Yio Chu Kang.

Kelab tersebut yang telah menjalani peningkatan dan dibuka semula secara rasmi pada 16 November adalah antara CC pertama yang menggabungkan ciri mesra demensia yang menyokong pencarian arah untuk semua penduduk, termasuk mereka yang menghidap demensia, dalam prasarananya.

Ia dibuka semula secara rasmi selepas tempoh tamat kerja naik taraf pada 2023 tertangguh selama dua tahun kerana pandemik Covid-19.

Mural pencarian arah di Aras Satu itu menawarkan isyarat visual yang

jelas seperti anak panah tanda arah, ikon kemudahan kejiranan, serta ikon buah-buahan yang mewakili zon tertentu.

Setiap Rangkaian Penduduk di Yio Chu Kang mempunyai ikon dan warna buahnya sendiri pada mural pencarian arah dan permukaan blok yang serupa dengan blok Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB).

Malah, setiap aras ditanda dengan warna yang berbeza seperti dalam lobi lif, papan tanda arah dan kemudahannya, agar sekali pandang sahaja, penduduk dapat mengenal pasti arah yang ingin dituju.

Kerja naik taraf itu berfungsi sebagai langkah terakhir dalam transformasi Yio Chu Kang kepada divisyen pertama di Singapura yang dilengkapi sepenuhnya dengan ciri-ciri mesra demensia dan ruang masyarakat pada 2025.

Dengan mengambil kira maklum balas penduduk, kelab masyarakat tersebut telah diubah menjadi hab yang lebih terangkum dan mudah diakses. Penambahbaikan utama ialah ruang masyarakat terlindung yang baru diubah suai di Aras Satu.

Teater di Aras Dua juga telah diubah suai, manakala studio tarian di Aras Tiga telah diperluas berikutan permintaan penduduk untuk lebih banyak ruang masyarakat disediakan bagi menjalin hubungan dan memanfaatkan pelbagai program.

Secara keseluruhan, kerja naik taraf ini memperkukuh peranan kelab masyarakat sebagai ruang mesra warga emas dan mesra untuk semua.

Menyertakan prasarana mesra demensia di Yio Chu Kang adalah sebahagian matlamat yang disertakan dalam pelan induk lima tahun estet Yio Chu Kang, yang diumumkan pada 2021.

Menteri Kanan, Encik Lee Hsien Loong, yang merupakan Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio dan turut hadir pada perasmian rasmi CC yang dinaik taraf itu, menjelaskan Singapura akan menjadi masyarakat yang sangat menua menjelang 2026.

Kejiranan Yio Chu Kang, sudah sampai ke tahap demikian. Masyarakat sangat menua adalah yang mempunyai lebih daripada satu penduduk dalam lima penduduk yang berusia 65 tahun dan ke atas.

“Kita mesti memastikan kita mempunyai kemudahan untuk anda dan... persekitaran disesuaikan, supaya anda boleh kekal aktif, anda juga boleh meneruskan rutin harian anda,” jelasnya.